BUBAR TAKDIR— LANGKAH BERANI

Oleh NORDIN MOHAMAD

KEPUTUSAN kerajaan Kelantan membubarkan Perbadanan Pembangunan dan Pemulihan Tanah Negeri Kelantan Darulnaim (TAKDIR) adalah satu tindakan paling berani dari segi risiko politik.

Tidak pernah terlintas di kepala rakyat negeri ini, malah di kalangan pemimpin, ahli-ahli dan penyokong UMNO dan PAS di Kelantan terhadap tindakan tegas dan berani kerajaan BN Kelantan membubarkan agensi pembangunan tanah yang mula-mula diwujudkan di negeri Cik Siti Wan Kembang.

Pengumuman Menteri Kewangan merangkap Pengerusi BN Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah mengenai pembubaran TAKDIR itu mendapat sambutan dan sokongan lebih 7,000 orang pemimpin dan ahli parti BN negeri yang menghadiri majlis kesyukuran di kediamannya di Palm Manor pada 20 Mei lalu.

Pengumuman dan tindakan kerajaan itu nampaknya terlalu sensitif serta menjadi isu yang kontroversi di kalangan pemimpin PAS di Kelantan termasuk presidennya sendiri Datuk Haji Mohamad Asri Muda.

Menutur Tengku Razaleigh, tindakan pembubaran TADKIR itu dilakukan kerana rancangan-rancangan tanahnya selama ini menjadi 'sarang PAS'. Sebahagian besar para peneroka rancangan tanah TAKDIR itu, menurut Tengku Razaleigh lagi, terdiri dari penyokong kuat PAS dan mereka telah menjadi batu penghalang kepada usaha-usaha kerajaan Barisan Nasional membangunkan Kelantan dan rakyatnya.

Satu kajian menyeluruh bagi tujuan itu sedang dibuat oleh sebuah 'jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar, Encik Ariffin Said dan dijangka dapat menyiap tugasnya dalam tempoh antara 6 bulan hingga 9 bulan.

"TAKDIR tetap dibubarkan selepas semua hal berhubungan dengan pentadbiran soal-soal teknikal dan kewangannya diselesaikan, pembubaran ini adalah atas kehendak parti," tegas Tengku Razaleigh.

TAKDIR asalnya ialah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri (LKTN) yang ditubuhkan oleh kerajaan PAS dalam tahun 1960 dan lanya telah diubah kepada TAKDIR pada 12 Januari 1980, bila kerajaan Barisan Nasional memerintah Kelantan pada tahun 1978.

Sebelum projek pembukaan tanah dibuat oleh kerajaan PAS menerusi LKTN itu, pihak FELDA telah pun melaksanakan projek kemajuan tanahnya di kawasan Air Lanas dalam jajahan Tanah Merah.

Bila PAS berkuasa memerintah Kelantan dalam tahun 1959, parti tersebut 'menolak' FELDA dan membuat projeknya sendiri dengan menubuh LKTN.

LKTN ketika itu membuka 27 rancangan tanah yang meliputi kawasan kira-kira 30,899 hektar (77,248 ekar dan jumlah penerokannya sehingga hari ini 7,000 keluarga.

Boleh dikatakan semua peneroka rancangan tanah LKTN terdiri dari ahli-ahli dan penyokong kuat PAS dan tidak mustahillah sehingga hari ini, semua 27 rancangan TAKDIR itu dikatakan menjadi 'sarang PAS'.

Tidak dapat dinafikan sebahagian besar penyelia di rancangan-rancangan tanah itu sekarang terdiri dari orang kuat PAS.

Kerajaan PAS ketika itu gagal sama sekali dalam melaksanakan projek-projek pembukaan tanah LKTN itu, kerana ketiadaan sumber kewangan yang mencukupi.

Sistem yang digunakan oleh parti itu dalam melaksanakan projek tersebut amat berlain sekali dengan sistem atau kaedah yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional sekarang di dalam rancangan rancangan pembangunan tanahnya di seluruh negara.

Kerajaan PAS Kelantan menyediakan kawasan projek yang hendak diteroka atau dibuka, dan urusan menjayakan discrahkan bulat-bulat kepada peneroka tanpa sebarang kemudahan asas, seperti jalan, sekolah, klinik kesihatan dan kemudahan tempat anak-anak peneroka belajar.

Semua rancangan tanah itu ditanam dengan getah atas usaha peneroka sendiri. Sebahagian besar rancangan tanah itu terletak di kawasan selatan Kelantan.

Sepuluh dari kawasan rancangan TAKDIR itu di jajahan Kuala Krai, 9 di Tanah Merah, 6 di Ulu Kelantan, masing-masing di Machang dan Bachok.

Kebanyakan peneroka diberi tanah pada keseluruhannya 3.544 hektar (8% ekar) iaitu 2.30 hektar bagi lot getah, 0.810 hektar lot dusun dan 0.304 hektar tapak rumah kediaman.

Kehidupan dan taraf ekonomi peneroka tanah itu sebelum diambil alih oleh kerajaan BN Kelantan di bawah TAKDIR sangat mendukacitakan. Ia tidak diberi perhatian berat oleh kerajaan PAS, sama ada dari segi kebajikan atau urusan perladangan.

Kerajaan PAS melaksanakan projek tersebut adalah sebagai rancangan pemberian tanah kepada ahli-hali dan penyokong parti itu sekadar menunaikan janji politik dalam pilihan raya 1959.

Usaha kerajaan BN Kelantan memulihkan 27 rancangan TAKDIR itu dengan melaksanakan berbagai projek termasuk menyediakan berbagai kemudahan asas, dianggap oleh penerokanya: "Itu adalah tanggungjawab sesebuah kerajaan."

Mereka menerima segala projek dan pembaharuan yang dibawa ke kawasan itu, namun menyokong kerajaan, khususnya parti yang memerintah sekarang 'jauh panggang dari api'.

Sikap dan konsep ini sentiasa menjadi senjata atau modal pemimpin PAS dalam menangkis serangan-serangan ke atas Kerajaan Negeri Kelantan yang lalu, atas kemunduran dan kelemahannya mentadbirkan Kelantan dalam tempoh 18 tahun lalu.

Tegas

Langkah tegas kerajaan BN membubarkan TAKDIR itu merupakan sejenis ubat yang dirasakan mujarab melawan atau membasmikan penyakit 'sikap' di kalangan peneroka rancangan tanah itu tidak dapat dikikis lagi pengaruh di sanubari mereka.

Bila kerajaan BN Kelantan mengambil alih tampuk pemerintahan negeri itu, dan setelah menukar nama LKTN kepada TAKDIR langkah pertama yang dibuat memulihkan semua 27 rancangan tanah itu yang selama ini hidup segan mati tak mahu.

Kira-kira $230 juta telah diuntukkan oleh kerajaan BN untuk memajukan rancangan-rancangan tanah takdir itu bagi tempoh 10 tahun dengan menyediakan berbagai kemudahan asas.

TAKDIR setakat ini telah mengeluarkan lebih $7 juta pinjaman kepada penerokanya di bawah skim pinjaman iaitu satu-satunya rancangan yang tidak pernah termimpi untuk dinikmati oleh keluarga peneroka LKTN di bawah pemerintah PAS lalu.

Peruntukan sebanyak itu adalah sebahagian daripada $12 juta yang telah diluluskan oleh kerajaan BN untuk membolehkan 4,000 peneroka yang layak meminjam bagi membaiki atau membina rumah masing-masing.

Setiap peneroka yang layak diberi pinjaman $3,000 dan sehingga ini lebih 33,000 peneroka TAKDIR mendapat faedah dari skim tersebut.

Nampaknya segala usaha baik kerajaan BN itu tidak dihargai oleh sebahagian penerokanya dan setengahnya pula termasuk sebahagian penyelianya dikatakan bersikap sebagai batu penghalang.

Difahamkan mereka ini dikatakan senyap-senyap menentang kerajaan yang memerintah, apa saja yang dilakukan oleh kerajaan semuanya tidak betul dan dikritik.

Keadaan-keadaan ini lebih ketara lagi di saat-saat kempen pilihanraya umum lalu, di mana secara terang-terang sebahagian peneroka TAKDIR dan setengah pegawai perbadanan itu menentang kerajaan, kerana mereka penuh yakin PAS akan memerintah semula Kelantan.

Sikap positif kerajaan BN Kelantan selama ini dalam memulihkan rancangan itu dan meninggikan taraf hidup serta ekonomi penerokanya dibalas dengan 'penentangan', jauh sekali berterima kasih.

Tidaklah keterlaluan jika projek tanah TAKDIR itu disebut sebagai sarang PAS, seperti yang dinyatakan oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Pihak parti pemerintah di Kelantan nampaknya telah mempunyai bukti-bukti cukup dalam hal ini dan telah mengecam mereka yang menentangnya.

Nama-nama pegawai, penyelia dan peneroka TAKDIR yang menjadi batu penghalang dan penghasut itu ada dalam senarai hitam pihak berkenaan.

Dalam usaha menjaga kedudukan dan kepentingan jangka panjang, tindakan menyingkir mereka sudah sepatutnya diambil kerana telah empat tahun kerajaan bersabar.

Jika disimpan, mereka menjadi 'duri dalam daging' dan 'api dalam sekam' yang bukan sahaja merosakkan TAKDIR, malah kerajaan BN Kelantan, khasnya UMNO.

Penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di dalam rancangan itu akhir-akhir ini adalah buktinya, sebagai usaha merosakkan imej kerajaan negeri sekarang.

Dalam konteks ini, 7,290 hektar tanah dianggarkan berharga beratus ribu ringgit kepunyaan TAKDIR telah dijual oleh para penerokanya kepada orang-orang tertentu dalam jangka masa dua tahun kebelakangan. Ini telah disahkan sendiri oleh Pengarah TAKDIR Encik Jaafar Abu Bakar kepada wartawan dalam sidang akhbarnya pada bulan Februari lalu dan menurutnya 370 orang peneroka terlibat dengan penjualan tanah meliputi 370 lot itu.

Kawasan yang paling banyak terlibat ialah Rancangan TAKDIR di Ulu Kelantan, Kuala Krai, Tanah Merah, Machang dan Bachok dan dipercayai dilakukan oleh sindiket tertentu.

Semua pihak kecuali orang-orang PAS telah mengalu-alukan tindakan kerajaan BN Kelantan membubarkan TAKDIR itu dan disifatkan sebagai langkah paling berani pernah diambil oleh mana-mana kerajaan negeri dari segi risiko politik.

Langkah itu amat wajar sekali dalam usaha membersihkan jentera kerajaan negeri daripada golongan-golongan yang 'menikam kerajaan dari belakang'. Dan pucuk pimpinan BN puaat dan negeri Kelantan tidak harus bertolak ansur lagi dengan golongan tersebut.

Kerajaan negeri Kelantan tidak harus lagi membiarkan rancagan tanah yang diwujudkannya untuk memajukan dan meninggikan taraf hidup rakyat Kelantan yang mencurah berjuta-juta ringgit dijadikan 'sarang' golongan parti lawan untuk menghalang usaha pembangunan kerajaan.

● TENGKU RAZALEIGH

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



● DI ATAS ini salah satu rancangan tanah selenggaraan FELDA. Ia berlainan dengan rancangan yang dijalankan oleh kerajaan PAS di Kelantan dulu.